

Pelajar berpolitik

BH 3 SEP 2001

Oleh Wan Hazmir bakar, Ahmad Ghazali Musa dan Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Pembabit pelajar Melayu dalam kegiatan politik kepartian termasuk gerakan bawah tanah menentang kerajaan sehingga mengabaikan pelajaran, bukan isu remeh, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin.

Beliau berkata, isu itu serius dan tidak seharusnya dipandang ringan, khususnya di kalangan cerdik pandai Melayu, yang sepatutnya bersama kerajaan menanganinya.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak akan berterusan membangkitkan perkara itu sekiranya ia bukan sesuatu yang mengancam kedudukan bangsa Melayu dan kemakmuran negara.

"Penting, memang penting kerana Perdana Menteri tidak akan mengeluarkan satu kenyataan kecuali dia melihat ini akan memudaratkan negara.

Perdana Menteri membangkitkan isu yang mengancam bangsa Melayu dan kemakmuran negara

"Bila memudaratkan negara jangan sangka orang Melayu saja kerugian kerana ditakuti orang lain juga tumpang musibah itu," katanya kepada pemberita selepas Kongres Pendidikan Melayu Pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, petang ini.

Beliau diminta mengulas sikap seorang profesor kanan sebuah universiti tempatan yang mempertikaikan kebimbangan kerajaan berhubung pembabit pelajar Melayu dalam politik kepartian.

Profesor terbabit yang ditemui sejurus berakhirnya kongres itu bagi mengulas pengakuan seorang bekas penuntut Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berhubung gerakan bawah tanah itu, mempertikaikan

kepentingan isu itu.

Beliau bukan saja bersikap emosional tetapi juga memperlekehkan keprihatinan Perdana Menteri terhadap permasalahan yang menimpa pelajar Melayu dengan berkata:

"Adakah isu itu penting? Hanya kerana Perdana Menteri berkata sedemikian ia menjadi penting?"

Beliau turut menyalahkan kerajaan kerana gagal memberi peruntukan yang cukup kepada universiti.

Aziz yang diminta mengulas lebih lanjut mengenai gerakan bawah tanah itu, mengakui pensusarahan pelajar supaya menjatuhkan kerajaan.

Beliau berkata, pelajar tentu berani menyertai gerakan itu jika pensusarahan tidak berperanan sama.

Sambil mengakui masalah itu agak teruk, beliau berkata, pensusarahan tetap berperanan walaupun mereka mungkin tidak terbabit dalam gerakan itu secara langsung kerana mereka tidak bertindak menghalang pelajar menyertainya.

"Ada, ada, kalau tidak pelajar tak berani. Mesti ada sama ada pensusarahan atau guru.

"Sekurang-kurangnya mereka main peranan pasif, ertinya mereka mengiyakan dan tidak mengangkat tangan (bertindak) pun untuk menyuruh pelajar berbuat baik, memang ada," katanya.

Ditanya apakah kerajaan mengenal pasti pensusarahan yang terbabit dalam gerakan bawah tanah itu, Abdul Aziz hanya tersenyum dan berkata: "Biar kita 'slow-slow' (perlahan) sedikit."

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan pihak berkuasa terutama polis sedang mengambil tindakan perlu bagi menanga-

bukan isu remeh

ni ancaman keselamatan itu.

"Percayalah kepada pasukan polis bahawa mereka sedang bergerak ke arah itu dan Kementerian Pendidikan akan terus beri sokongan supaya perkara yang kita takuti ini tidak menjadi besar dan kita tangani sebelum ia merembak," katanya.

Ditanya mengapa baru sekarang kegiatan kumpulan itu didedahkan. Abdul Aziz berkata, kerajaan tidak mahu memperbesarkan masalah itu yang agak tidak ketara pada ketika itu sehingga menyebabkan kesan sebaliknya.

"Kalau kita besar-besarkannya, ia boleh menggalakkan orang lain dan akhirnya akan merugikan kita," katanya sambil menambah kerajaan mahu menghapuskan kegiatan itu sehingga ke peringkat akar umbi.

Beliau berkata, cuma sekarang kegiatan itu perlu ditangani secara terbuka kerana kumpulan itu semakin berani dan mula me-

ngumpulkan kekuatan serta mendapat sokongan pihak tertentu.

"Sebelum ini dia (kumpulan itu) tak tunjuk diri kerana dia masih pada peringkat lemah. Hari ini dia merasa dia kuat, bukan dia kuat, tetapi dia rasa dia kuat, maka barulah rahsia ini terbongkar," katanya.

Abdul Aziz berkata, perkara itulah yang dibimbangi Dr Mahathir dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, kerana ia antara punca pencapaian akademik pelajar Melayu di IPTA masih lemah.

Katanya, kelemahan pelajar Melayu itu akan menyebabkan permasalahan lain yang akan mengeruhkan perhubungan kaum di negara ini.

Sementara itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, belum bersedia membuat kenyataan berhubung pendedahan pelajar itu.

"Tidak ada komen. Nantilah dulu..." katanya ketika dihubungi di sini,

hari ini.

Pemuda Umno pula menyifatkan pengakuan bekas pelajar UTM itu sebagai satu bentuk penganiayaan kepada golongan pelajar dan mendesak pentadbiran IPTA mengambil langkah lebih telus dalam menangani perkara itu.

Pengerusi Biro Pendidikannya, Dr Adham Baba, berkata penyertaan pelajar dalam gerakan bawah tanah menyebabkan mereka tidak dapat memberi tumpuan kepada pelajaran sehingga terkandas.

"Kita minta pentadbir universiti elak sikap tidak mahu ambil tahu atau buat tak tahu mengenai perkara itu kerana mungkin akan timbul tanggapan mereka mahu melindungi perbuatan gerakan seumpama itu," katanya di Johor Bharu.

Naib Canselor UTM, Datuk Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, dikatakan akan mengadakan sidang akhbar esok bagi mengulas pendedahan bekas pelajar universiti itu.

Dr Adham mendakwa gerakan bawah tanah bukan saja berlaku di UTM, malah di beberapa universiti lain seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarbangsa (UIA).

Katanya, pentadbir universiti yang menyedari perkara itu tidak seharusnya berdiam diri, sebaliknya mengambil tindakan susulan bagi mengelakkan kegiatan itu berleluasa.

Sementara itu, seorang profesor kanan UM yang ditemui selepas Kongres Pendidikan Melayu Pertama di sini turut mengakui wujudnya kegiatan pihak tertentu di universiti itu untuk meraih sokongan kepada parti pembangkang.

Bagaimanapun, beliau yangknngan namanya di-siarkan, berkata belum ada pelajar membuat pengakuan berhubung pembabit mereka dalam gerakan bawah tanah itu sehingga kini.